

**BN Perlu Kekal Di Kuala Besut - Shafie Apdal
Bernama
17 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 17 Julai (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut pada 24 Julai ini penting bagi memastikan program pembangunan di kawasan luar bandar seperti yang dirancang kerajaan dapat dipertingkatkan dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata ia penting bagi memudahkan kerajaan pusat menyalurkan bantuan ke kawasan itu apabila kerajaan negerinya adalah daripada parti yang sama dengan kerajaan pusat.

"Kerajaan pusat sudah BN, biarlah negeri pun sama, ia selari...faktor itu perlu diambil kira oleh pengundi," katanya kepada pemberita selepas melawat sekitar Kampung Nangka dan Kampung Lampu di sini hari ini.

"Keupayaan BN jelas terbukti dengan menepati janji dan sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat sama ada menerusi prasarana yang dibina, mahupun bantuan secara langsung," katanya.

Mohd Shafie menarik perhatian bahawa kementeriannya sudah memperuntukkan RM4.4 juta sejak 2010 hingga kini untuk menaiktaraf prasarana pembangunan luar bandar di kawasan DUN Kuala Besut ini.

Menurutnya ia membabitkan 28 projek seperti menaiktaraf dan melebar jalan kampung, membina gelanggang permainan, membaik pulih balai raya, perparitan dan pencegahan banjir serta pembinaan unit rumah.

Jelasnya daripada jumlah itu, 24 projek yang dilaksana sudah siap sepenuhnya sementara baki empat lagi masih dalam pembinaan dan dijangka siap dalam tempoh terdekat.

"Kita juga sudah meluluskan peruntukan RM100,000 lagi untuk menaik taraf jalan (RM80,000) serta membina dataran di sekitar balai raya di Kampung Nangka (RM20,000) yang memberi manfaat kepada kira-kira 560 penduduk di kampung berkenaan," katanya.

Untuk rekod, 10 projek menaik taraf jalan sudah dilaksanakan di DUN Kuala Besut antara 2010 hingga Jun 2013 meliputi jalan di Kampung Lampu, Kampung Gong, Kampung Paya, Kampung Gong Tengah, Kampung Tok Saboh serta Kampung Gong Manok.

Sementara itu, dua unit rumah di bawah program bantuan perumahan sedang dilaksanakan di Kampung Pulau Salim dan Kampung Pengkalan Sentol, selain cadangan membaik pulih Bangunan Medan Info Desa di Kampung Seberang Kastam dan Kampung Teluk Bayu.

Secara keseluruhannya, Mohd Shafie berkata DUN Kuala Besut tidak mengalami banyak masalah dari segi prasarana kerana banyak kemudahan seperti jalan raya yang baik, bekalan air dan elektrik yang mencukupi.

Sementara itu, Mohd Shafie meminta jentera pilihan raya BN supaya mendampingi setiap pengundi di DUN Kuala Besut khususnya penduduk pedalaman kerana kecekapan mereka penting bagi menentukan sasaran parti untuk meraih majoriti lebih besar tercapai.

"Kehadiran jentera ini sangat membantu dalam menyelaraskan program-program kempen

dan turun padang untuk berjumpa pengundi," katanya.

Beliau juga menasihatkan pengundi di DUN Kuala Besut supaya tidak terlalu taksud dengan fahaman politik dibawa sesetengah pihak kerana ia hanya akan memecahbelah masyarakat.

"Seharusnya keupayaan sesebuah parti dalam membangunkan masyarakat perlu dijadikan sandaran untuk kita memilih parti. Bukan saja pilih dari segi parti, tapi latar belakang dan keupayaan calon juga," katanya.

PRK Kuala Besut menyaksikan pertemuan calon BN, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman, 37 seorang jurutera dan anak tempatan dengan calon PAS, Azlan Jusoh, seorang ahli perniagaan dalam PRK Kuala Besut yang akan diadakan pada 24 Julai ini.

Kuala Besut mempunyai 17,683 pengundi dan kekosongan DUN Kuala Besut berlaku berikutan kematian penyandanginya Dr A Rahman Mokhtar pada 26 Jun lalu akibat kanser paru-paru.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964028>